



TEKS UCAPAN YBM KERJA RAYA
PERHIMPUNAN BULANAN BERSAMA YB MENTERI KERJA RAYA
BULAN SEPTEMBER 2023

TARIKH: 21 SEPTEMBER 2023 (KHAMIS)

LOKASI: DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID

Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani

PENDAHULUAN

1. Syukur kepada Tuhan kerana kita dapat sekali lagi bersama – sama di Majlis Perhimpunan Bulanan buat kali ketiga penganjurannya. Kita telah memasuki bulan September iaitu di suku ketiga bagi tahun 2023. Pelbagai peristiwa penting telah kita lalui sejak awal tahun sehingga kini. Besar harapan saya agar pada masa kini dan akan datang, KKR akan terus memacu pembangunan infrastruktur negara dan juga akan terus menempa kejayaan bersama.

2. Seluruh warga KKR dan agensi adalah diseru untuk terus menyokong seluruh program dan polisi Kerajaan yang melibatkan sektor pembinaan infrastruktur ini. Kerjasama yang erat antara seluruh warga KKR dan agensi perlu sentiasa teguh. Selain itu, kerjasama dengan pemain industri dalam sektor infrastruktur pembinaan ini juga perlu sentiasa utuh disamping sentiasa peka dengan kehendak dan keperluan masyarakat. Warga KKR perlu meletakkan cita-cita yang tinggi terhadap

penghasilan kajian dan penyelidikan serta projek-projek pembinaan yang dilaksanakan supaya mendapat pengiktirafan tinggi termasuk kejayaan di peringkat antarabangsa.

PRESTASI PERBELANJAAN KKR

3. Sehingga Ogos 2023, pencapaian perbelanjaan KKR adalah sebanyak RM5.546 billion. Bagi perbelanjaan belanja mengurus adalah sebanyak RM622.7 juta telah dibelanjakan, manakala bagi perbelanjaan Pembangunan adalah sebanyak RM4.923 billion. Pastikan setiap agenda yang telah dirancang dilaksanakan dengan segera dan memberi impak padu kepada Kementerian dan juga agensi. Kaedah perbelanjaan ini perlu berhemah dan wajib mengikut tatakelola dan proses – proses kewangan yang telah ditetapkan.

4. Saya ingin tegaskan di sini, misi besar kerajaan Madani adalah memastikan tadbir urus dan tatakelola kewangan di setiap Kementerian diurus dengan telus dan terhindar dari segala penyelewengan serta salah guna kuasa. Tadbir urus perolehan, **pengagihan** peruntukan dan pengurusan kewangan perlu dipantau diselia dan diselaraskan dengan baik bagi mencapai prinsip pengurusan kewangan yang lebih telus dan berkesan.

PELANCARAN KEMPEN MYJALAN DAN APLIKASI ADUAN MOBIL MYJALAN

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Pada 24 Ogos 2023 yang lalu, KKR telah melancarkan Kempen MyJalan yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim, Perdana Menteri, bertempat di Jeti Awam Pulau Banding, Gerik, Perak. Kempen MYJalan ini dilancarkan bagi meningkatkan akauntabiliti dalam

kalangan pengguna jalan raya, pemain industri dan agensi kerajaan bahawa jalan raya adalah tanggungjawab bersama. Kempen ini adalah platform advokasi dan juga pendedahan kepada pengguna jalan raya tentang penyenggaraan jalan raya sedia ada.

6. Kempen ini adalah platform advokasi dan juga pendedahan kepada pengguna jalan raya tentang penyenggaraan jalan raya sedia ada. Pengukuhan "*No Wrong Door Policy*" di dalam kempen ini adalah selaras dengan pelancaran aplikasi MyJalan sebagai sumber penyaluran aduan yang dapat meningkatkan keupayaan sistem aduan dan penyampaian perkhidmatan KKR. Sejak dilancarkan, KKR telah menerima lebih daripada **2201 aduan** daripada orang ramai berkenaan kerosakan jalan. Aplikasi ini mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai, walaupun melalui semakan yang dibuat, sebahagian besar aduan tersebut bukan melibatkan jalan di bawah penyelenggaraan KKR.

7. Sehubungan itu, saya ingin menyeru agar seluruh warga KKR dan agensi untuk bersama-sama menjadi agen promosi dalam memberi pendedahan kepada masyarakat di luar sana berkenaan aplikasi MyJalan ini serta menyebarkan maklumat berkenaan jalan-jalan dibawah seliaan KKR. Saya ingin masyarakat faham, KKR tidak menolak setiap aduan yang diterima, namun apabila melibatkan jalan di bawah tanggungjawab PBT, KKR hanya mampu membantu menyalurkan dengan segera aduan kerosakan tersebut kepada PBT terbabit, namun tindakan pembaikan adalah di luar kawalan KKR. Hasrat *No Wrong Door Policy* ini adalah hasrat murni Kerajaan dan kita ingin pastikan setiap aduan dan tindakan pantas dalam memastikan kondisi infrastruktur jalan di seluruh negara kita selamat dan selesa untuk pengguna.

8. Kempen MYJalan dan pengisian program **Setia Bakti** semasa majlis pelancaran turut menyentuh hati YAB Perdana Menteri. Beliau juga turut menyatakan ucapan tahnian kepada KKR dan JKR di atas pelancaran kempen dan inisiatif mengenang semula pengorbanan pekerja-pekerja yang telah bertarung nyawa dan ada juga yang terkorban semasa membina Jalan Raya Timur Barat. YAB Perdana Menteri juga telah bersetuju untuk memberi sedikit penghargaan kepada kesemua hampir 87 bekas pekerja yang terlibat dan juga tambahan RM30 juta peruntukan penyelenggaraan bagi Jalan Raya Timur Barat.

PEMBENTANGAN USUL KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KE-12 2021 – 2025

Hadirin yang saya hormati sekalian,

9. Untuk makluman, Kerajaan sedang mempersiapkan negara bagi menempuhi fasa kedua Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMK12), yang diberi tema “Mampan, Sejahtera dan Berpendapatan Tinggi” dengan memberi tiga tumpuan utama, iaitu memperkukuh kemampuan, membangunkan masyarakat sejahtera dan menuju negara berpendapatan tinggi.

10. Menurut Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, ketika membentangkan KSP RMK12 di Parlimen pada 11 September yang lalu, sebanyak 17 anjakan utama dan 71 inisiatif utama telah diperkenalkan bagi memastikan keberhasilan kepada pemantapan ekonomi negara. Menerusi pembentangan tersebut Perdana Menteri Malaysia telah membentangkan usul bagi KKR dengan memberi fokus kepada projek-projek pembangunan seperti berikut iaitu:

a) Menaiktaraf Lebuhraya Senai-Desaru

- b) Pelebaran Lebuhraya Utara Selatan (Yong Peng-Senai Utara) secara berfasa
- c) Pembinaan Sarawak – Sabah Link Road
- d) Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sabah fasa 18
- e) Menaik taraf Jalan Raya Timur Barat (Gerik – Jeli)
- f) Menaik taraf jalan dari Tanah Rata ke Kea Farm, Cameron Highland.

11. Pada 14 September yang lepas juga KKR telah menganjurkan Sesi Dialog Belanjawan 2024 bersama dengan Penggiat Industri Pembinaan. Sesi dialog ini memberi peluang kepada penggiat industri pembinaan untuk menyuarakan pendapat dan berkongsi aspirasi dengan KKR bagi tujuan pementapan industri pembinaan ini.

12. Seperti yang kita sedia maklum industri pembinaan merupakan penyumbang utama pembangunan negara. Antara cabaran utama dalam sektor pembinaan ini adalah penggunaan teknologi baharu. Saya mahukan setiap agensi di KKR ini terus berkarya menghasilkan teknologi – teknologi untuk pembangunan sektor pembinaan dan mempromosikan segala teknologi yang dihasilkan bagi keberhasilan terbaik dalam sektor pembinaan ini.

13. KKR telah meletakkan sasaran untuk memaksimumkan pelaksanaan penggunaan Sistem Binaan Berindustri (IBS) dan Model Bangunan Bermaklumat (BIM) dalam sektor pembinaan tempatan. Ini sejajar dengan strategi berimpak tinggi yang mampu mengurangkan kebergantungan sektor pembinaan kepada pekerja asing melalui pengukuhan kompetensi dan adaptasi teknologi.

14. Selain itu, sebagai peneraju industri pembinaan negara, perkara yang wajib untuk diatasi adalah masalah projek sakit. Saya inginkan agensi JKR sentiasa melaksanakan tapisan kontraktor yang mahu terlibat dengan pembinaan fasiliti infrastruktur negara ini bagi mengelak perkara ini berlaku. Pastikan setiap kontraktor yang terpilih adalah berpengalaman, memiliki prestasi kewangan yang stabil dan memiliki sejarah **penyiapan** projek yang baik. Berikan komitmen yang tinggi bagi memantapkan elemen integriti dalam pentadbiran di samping memastikan isu kebocoran dan ketirisan maklumat sulit yang berleluasa diatasi dengan segera.

PERTANDINGAN WORLDSKILLS ASEAN SINGAPORE 2023

15. Pertandingan Worldskills Asean Singapore 2023 telah diadakan di Singapura bermula 22 hingga 27 Julai 2023. Melalui KKR dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia, seramai 25 Peserta Negara bertanding dalam 16 bidang kemahiran. Bertemakan “*Our Skill Our Future*” pertandingan yang dianjurkan dua tahun sekali ini memaparkan keseluruhan 200 bakat-bakat terbaik dan berkemahiran tinggi dari negara-negara Asean yang mana pertama kali dianjurkan pada tahun 1995 di Malaysia.

16. Negara Malaysia diwakili seramai 4 peserta daripada sektor pembinaan yang terdiri daripada seorang dari Akademi Binaan Malaysia (ABM) Utara bagi bidang *Refrigeration & Aircondition* (RAC) iaitu En. Muhammad Habibullah Bin Mohd. Yusuff. Beliau telah memenangi Pingat Gangsa. Secara keseluruhannya Malaysia memenangi 2 Pingat Emas, 3 Pingat Perak, 5 Pingat Gangsa dan 4 *Medallion of Excellence*. Ini adalah pencapaian yang membanggakan. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada pemenang dan juga semua yang terlibat.

PENYAMPAIAN HADIAH BULAN KEBANGSAAN 2024 DAN PENYAMPAIAN ANUGERAH INOVASI DAN KUALITI

Hadirin sekalian,

17. Sepanjang Bulan Kebangsaan tahun 2023, KKR telah menganjurkan pelbagai aktiviti dan program sempenan Bulan Kebangsaan iniantaranya ialah:

- Pertandingan Deklamasi Puisi
- Kuiz Kahoot
- Pertandingan Larian Maya Tekad Perpaduan Penuhi Harapan
- Pertandingan Mewarna Kanak-kanak
- Pertandingan Pakaian Patriotik Kanak-kanak.

18. Saya dimaklumkan sebentar lagi, akan diadakan penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang bagi pertandingan Bulan Kebangsaan ini. Selain itu, kita juga bakal menyaksikan penyampaian Anugerah Inovasi dan Kualiti. Tahniah saya ucapkan kepada semua pemenang.

PELANCARAN SAMBUTAN BULAN MALAYSIA SIHAT SEJAHTERA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

19. Sepanjang bulan September 2023, Kementerian Kesihatan Malaysia sedang melaksanakan sambutan Bulan Malaysia Sihat Sejahtera di bawah Agenda Nasional Malaysia Sihat. Sebagai menyokong inisiatif KKM ini dan bagi mendokong hasrat kerajaan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang sihat sejahtera, esok pada 21 September 2023, KKR akan mengajurkan beberapa program seperti

senamrobik dan demonstrasi masakan sihat di dewan ini. Saya berharap agar warga KKR dapat menyokong inisiatif yang baik ini.

PENUTUP

20. Sebelum saya akhiri ucapan saya pada hari ini, saya berharap agar warga KKR dan agensi akan terus bersemangat dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik, berimpak tinggi, cemerlang dan berintegriti sepanjang masa. Teruskan dengan kerjasama utuh dengan memberikan komitmen padu dalam menjayakan segala tugas. Akhir kata, selamat maju jaya dengan lafaz takzim saya melancarkan sambutan Bulan Malaysia Sihat Sejahtera peringkat Kementerian Kerja Raya bagi tahun 2023.

Sekian, terima kasih.